

**KONSEP KEPADERIAN DI DALAM KRISTIAN DAN
PANDANGAN ISLAM MENGENAINYA**

HAMIZAN BT. ABD. AZIZ

**JABATAN AKIDAH DAN PEMIKIRAN ISLAM
BAHAGIAN PENGAJIAN USULUDDIN
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2001**

Perpustakaan Universiti Malaya



A510822907

**KONSEP KEPADERIAN DI DALAM KRISTIAN DAN
PANDANGAN ISLAM MENGENAINYA**

HAMIZAN BT. ABD. AZIZ

**Disertasi ini dikemukakan untuk memenuhi bahagian II Sarjana Usuluddin
(Secara Kursus dan Disertasi)**

**JABATAN AKIDAH DAN PEMIKIRAN ISLAM
BAHAGIAN PENGAJIAN USULUDDIN
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2001**

ABSTRAK

Disertasi ini bertujuan membicarakan peranan dan tanggungjawab yang dimainkan oleh paderi-paderi Kristian terutamanya dari perspektif Kristian Katolik di samping membandingkan mereka dengan peranan dan tanggungjawab ulama dalam Islam. Disertasi ini meliputi lima bab perbincangan yang dimulai dengan pendahuluan kajian dan diakhiri dengan penutup. Bahagian pendahuluan merupakan pengenalan kajian secara menyeluruh dan diikuti oleh bab pertama yang membicarakan kedudukan gereja dan St. Peter sebagai pelopor institusi kegerejaan. Bab kedua memperincikan ciri-ciri paderi, upacara *Holy Orders*, peranan, keistimewaan dan larangan ke atas paderi. Bab ketiga pula menerangkan kedudukan paderi sebagai ahli agama yang mempunyai kuasa ke atas penganut-penganut Kristian yang bertitik tolak daripada persoalan *Ruh al-Qudus*. Bab keempat pula mengutarakan konsep ulama dalam Islam dan bab kelima merupakan bab terpenting kerana memuatkan kupasan mengenai konsep paderi yang dibandingkan dengan ulama Islam serta kritikan Islam terhadapnya. Kajian ini diakhiri dengan beberapa kesimpulan dan saranan.

ABSTRACT

This dissertation aims to discuss the role and the responsibility of Christian's priests especially from the Catholic's point of views. Therefore, they were compared to the role and the responsibility of ulama in Islam. This dissertation contains five chapters and is preceeded by an Introduction and ended by a Conclusion. The Introductory part is a general discussion of the dissertation follows by the First Chapter that discusses about church and St. Peter as the pioneer of church institution. The Second Chapter elaborates the criteria of priests, Holy Orders, roles, privilege and prohibition of priests. The Third Chapter explains the status of priests as religious scholars who have relation with the Holy Spirit and have power on Christian's followers. While, the Fourth Chapter highlights the concept of ulama in Islam and the Fifth Chapter which is the most important chapter analyses the comparison between priests and ulama and Islam's critic on it. This research ends with conclusion contains summaries of resolution and some proposals on the points which have been discussed earlier.

PENGHARGAAN

Segala puji-pujian dan kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi, Tuhan Pencipta semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan mulia, Nabi Muhammad s.a.w. .

Di kesempatan ini, penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih kepada individu-individu yang banyak memberi sumbangan dan sokongan kepada penulisan disertasi ini iaitu :

- ❖ Penyelia, Dr. Che Zarrina Sa'ari
- ❖ Seluruh tenaga pensyarah Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
- ❖ Kakitangan Bahagian Ijazah Tinggi, Akademi Pengajian Islam, UM
- ❖ Encik Tajuddin Othman b. Abdullah dan keluarga
- ❖ *Father* James Gnanapiragasan dan *Pastor* Linda Khoo
- ❖ Haji. Abd. Aziz b. Ali dan Hajah Chiah bt. Ranting
- ❖ Abang Mohd. Kassim, Abdol Malek dan Shamsuddin
- ❖ Kakak Halimah, Salmiyah, Salina, Sharifah, Salbiah
- ❖ Ustaz Subri b. Yahaya, Penolong Pengetua HEA MRSM Chenderoh
- ❖ Ustaz Mustafa, Ustaz Zaid, Ustaz Adzmi, Ustaz Syed Basir, Ustazah Desmariatul, Ustazah Noraminah, Ustazah Sakinah, Cikgu Ramlah dan seluruh guru-guru dan kakitangan MRSM PDRM, Kulim, Kedah.
- ❖ Suami tercinta dan pendorong utama, Roslan b. Esa
- ❖ Hezlen Suzne, Wan Norasiah, Marzulina dan sahabat-sahabat
- ❖ Akhirnya kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung Moga Allah s.w.t. memberi sebaik-baik ganjaran di sisiNya kepada kalian, sekian.

Hamizan bt. Abd. Aziz
No. 74, Jalan Orkid 1
Taman Orkid
09000 Kulim
Kedah

Rabi'ul Awwal 1422 Hijrah
Mei 2001 Maschi

TRANSLITERASI

Di dalam mengeja perkataan-perkataan Arab dalam ejaan rumi, transliterasi berikut telah digunakan iaitu :

1. Konsonan

HURUF ARAB	HURUF RUMI	HURUF ARAB	HURUF RUMI	HURUF ARAB	HURUF RUMI
ا	-	ز	z	ق	q
ب	b	س	s	ك	k
ت	t	ش	sy	ل	l
ث	th	ص	ṣ	م	m
ج	j	ض	ḍ	ن	n
ح	ḥ	ط	ṭ	و	w
خ	kh	ظ	ẓ	ه	h
د	d	ع	ʿ	ء	ʾ
ذ	dh	غ	gh	ي	y
ر	r	ف	f	ة	h

2. Vokal

Pendek			Panjang			Diftong	
ا	<u>ـَ</u>	a	ا	<u>ـَ</u>	ā	اي	ay
ي	<u>ـِ</u>	i	ي	<u>ـِ</u>	ī	او	aw
و	<u>ـُ</u>	u	و	<u>ـُ</u>	ū		

SENARAI KEPENDEKAN

&	: dan
a.s	: <i>`Alayhi wa Salam</i>
APIUM	: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
b.	: bin
Bil.	: bilangan
cet.	: cetakan
Co.	: Company
DBP	: Dewan Bahasa Pustaka
Dr.	: Doktor
ed.	: editor
et. all	: Pengarang melebihi tiga orang
hal.	: halaman
hb.	: haribulan
Hj.	: Haji
html.	: <i>hypertext markup language</i>
http	: <i>hypertext transfer protocol</i>
<i>ibid.</i>	: Dari bahasa Latin <i>ibiden</i> : Pengarang, tajuk buku dan halaman sama dengan rujukan sebelumnya.
Inc.	: <i>Incorporation</i>
<i>Infra</i>	: Akan dibincangkan selepas ini
jil.	: jilid
juz.	: juzuk
Ltd.	: <i>Limited</i>
M.	: Masehi
no.	: nombor
<i>op.cit.</i>	: Dari bahasa Latin <i>Opera Citato</i> : Pengarang dan tajuk buku yang sama dengan rujukan yang sebelumnya, tetapi muka surat berbeza dan diselangi dengan rujukan yang lain.
Prof.	: Profesor
r.a.	: <i>raḍi Allāh `anh</i>
s.a.w.	: <i>Ṣalla Allāh `Alaih wa Salam</i>
s.w.t.	: <i>Subḥānah wa Ta`āla</i>
SM.	: Sebelum Masehi
<i>Supra</i>	: Telah dibincangkan sebelum ini
t.c.	: Tanpa cetakan
t.t.	: Tanpa tarikh
t.tp.	: Tanpa tempat
ul.	: ulang
UM	: Universiti Malaya
Uni.	: Universiti
USA	: United State of America

SENARAI LAMPIRAN

- LAMPIRAN A : Persidangan-persidangan Paderi Kristian
- LAMPIRAN B : Bacaan Doa Ketika Upacara *Holy Orders* Dijalankan.
- LAMPIRAN C : Contoh Surat Pengampunan Dosa
- LAMPIRAN D : Gelaran Ulama Islam

0.8 Metodologi Penyelidikan	26
0.9 Sistematika Penulisan	33

BAB PERTAMA

KEDUDUKAN DAN PERANAN GEREJA

1.1 Pendahuluan	36
1.2 Definisi Gereja	37
1.3 Kemunculan dan Perkembangan Gereja	45
1.4 Gereja dan Golongan Pemerintah	53
1.5 St. Peter : Pelopor Institusi Gereja	59
1.6 Penutup	66

BAB KEDUA

KEDUDUKAN PADERI MENURUT AGAMA KRISTIAN

2.1 Pendahuluan	67
2.2 Kedudukan Paderi Menurut Masyarakat Kristian Katolik	68
2.3 Aspek Pemilihan Paderi	
2.3.1 Personaliti	75
2.3.2 Perlantikan Paderi	82
2.3.3 Bidang Kuasa	89
2.3.4 Tanggungjawab Paderi	90
2.3.5 Larangan Ke atas Paderi	97

ISI KANDUNGAN

Kandungan	Halaman
PENGAKUAN	
ABSTRAK (BAHASA MALAYSIA)	i
ABSTRACT (BAHASA INGGERIS)	ii
PENGHARGAAN	iii
TRANSLITERASI	iv
KEPENDEKAN	v
SENARAI LAMPIRAN	vi
ISI KANDUNGAN	vii

PENDAHULUAN

0.1 Pendahuluan	1
0.2 Latar Belakang Masalah	
a) Agama Kristian	2
b) Aliran-aliran Mazhab	6
c) Gereja dan Paderi	14
0.3 Pengertian Tajuk	16
0.4 Rumusan Masalah	21
0.5 Kepentingan Kajian	21
0.6 Tujuan Kajian	22
0.7 Kajian-kajian Lepas	23

2.3.6 Keistimewaan Paderi	99
2.4 Paderi Menurut Mazhab Lain	104
2.5 Penutup	108

BAB KETIGA

PERANAN PADERI

3.1 Pendahuluan	109
3.2 Paderi Menurut Agama Kristian	
3.2.1 Konsep Kemaksuman Paderi	110
3.2.2 Konsep Pengampunan Dosa	119
3.3 Peranan Paderi Dalam Bidang Sosial	124
3.4 Peranan Paderi Dalam Pemerintahan	129
3.5 Kedudukan Wanita Dalam Kepaderian Kristian	132
3.6 Penutup	136

BAB KEEMPAT

KONSEP ULAMA DALAM ISLAM

4.1 Pendahuluan	138
4.2 Konsep Ulama Di Dalam Islam	138
4.3 Ulama Menurut Al-Qur'an	153
4.4 Peranan Ulama Dalam Masyarakat Islam	
4.4.1 Agama dan Dakwah	158

4.4.2 Sosial dan Pendidikan	166
4.4.3 Politik dan Perundangan	169
4.4.4 Ekonomi dan Pengurusan	172
4.5 Penutup	173

BAB KELIMA

PADERI DAN ULAMA : SUATU PERBANDINGAN

5.1 Pendahuluan	174
5.2 Persamaan dan Perbezaan Antara Paderi Kristian dan Ulama Islam	
5.2.1 Persamaan Paderi dan Ulama	174
5.2.2. Perbezaan Paderi dan Ulama	177
5.3 Pandangan Islam Mengenai Paderi	178
5.4 Penutup	201

PENUTUP

6.1 Kesimpulan	202
6.2 Saranan	205

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

0.1 Pendahuluan

Paderi adalah insan mulia dan suci di sisi penganut-penganut Kristian. Paderi bertanggungjawab mengawasi, mengetuai dan menjalankan upacara-upacara keagamaan di samping berfungsi mentadbir institusi gereja. Golongan ini juga berfungsi sebagai missionari yang menyebarkan agama Kristian. Kedudukannya yang tinggi di sisi agama adalah setanding dengan bidang kuasa yang dimiliki hingga amat berperanan di dalam ketujuh-tujuh doktrin peribadatan Kristian atau disebut *the seven sacraments of the church*. Berdasarkan peranan dan kedudukan utama ini, penulis cuba menyajikan sebuah kajian ilmiah yang mengupas dan mencungkil secara mendalam persoalan paderi di dalam agama Kristian dan hal-hal yang berkaitan dengannya serta menyatakan pandangan Islam berkenaan perkara tersebut yang dikhususkan kepada kupasan kedudukan ulama menurut perspektif Islam. Menerusi penulisan ilmiah ini, penggunaan Jesus Christ adalah merujuk kepada agama Kristian manakala Nabi 'Īsā a.s. adalah dirujuk kepada agama Islam.

0.2 Latar Belakang Masalah

a) Agama Kristian

Agama Kristian juga dinamakan agama Nasrani atau agama Masehi. Agama yang termasuk di dalam kumpulan agama samawi ini telah dibawa oleh Nabi 'Īsā a.s. atau dikenali dengan Jesus Christ kepada kaum Bani Israel sebelum kedatangan Nabi Muḥammad s.a.w. Agama Nasrani muncul ketika orang-orang Yahudi dilanda fahaman materialisme. Mereka terlalu mengejar kemewahan dan cekap mencari jalan bagi mendapat serta memperkembangkan harta tanpa mengira apa cara sekalipun untuk menentukan kejayaan mereka di lapangan tersebut. Mereka turut memutarbelitkan ajaran Nabi Mūsā a.s. atau Moses demi kepentingan peribadi mereka.¹ Justeru kehidupan kerohanian mereka menjadi lemah termasuk aspek nilai dan moral mereka. Kemudian datang agama Nasrani untuk merawat keadaan ini. Pada asalnya agama Nasrani adalah merupakan seruan Jesus Christ kepada orang-orang Yahudi sahaja tetapi kemudiannya selepas kewafatan Jesus sebagaimana kepercayaan orang Kristian, ajaran tersebut disebarkan kepada masyarakat luar Yahudi oleh St. Paul dan seterusnya berkembang ke seluruh dunia hingga ke hari ini.²

¹ Aḥmad Syalabī, (Prof. Dr.), *Muqāranah al-Adyān al-Masiḥiyyah*, cet.6, Nahḍah al-Miṣriyyah, Kaherah, 1978, hal. 37.

² James Hasting (ed.), *A Dictionary of the Bible*, jil.3, T & T Clark, Edinburgh, 1900, hal. 706-709.
H. Abujamin Roham, (Drs.), *Agama Wahyu dan Kepercayaan Budaya*, cet.1, Media Dakwah, Jakarta, 1991, hal. 124.

Jesus Christ telah dilahirkan di Bethlehem, Palestin antara tahun 8 hingga 4SM.³ Hari sebenar kelahirannya tidak diketahui namun bagi orang-orang Nasrani Timur, mereka menyambut kelahiran Jesus pada hari Natal 6 Januari setiap tahun. Pada abad ke-4M., seluruh komuniti Kristian telah bersepakat menetapkan 25 Disember sebagai hari keputeraan Jesus dan dinamai dengan hari *Christmas*.⁴

Manusia istimewa ini dilahirkan tanpa bapa dengan kekuasaan Allah swt. Sejak kecil Jesus dibawa oleh ibunya menetap di Mesir dan kemudiannya mereka pulang semula ke Nazareth di Palestin. Menurut orang-orang Kristian, sewaktu berusia 30 tahun, Jesus telah dibaptiskan⁵ oleh Yahya Pembaptis atau John the Baptist dan bermulalah ajaran Nasrani atau Kristian disebarkan kepada umat manusia. Pendakwahan Jesus ini dilakukan bersama murid-muridnya yang setia iaitu :⁶

1. Simon atau Peter

³ Caroline Large, *The Three Great Semitic Religions*, Times Book International, Singapura, 1981, hal. 18. Penulis merasakan penggunaan nama Jesus Christ adalah lebih tepat apabila sesuatu peristiwa yang berdasarkan pendapat orang-orang Kristian dipaparkan. Manakala penggunaan nama Nabi 'Isā a.s. pula dirujuk kepada pandangan Islam. D. B. MacDonald, "Isa", *E. J. Brill's First Encyclopaedia of Islam*, M. Th. Houtsma (ed.), jil.3, E. J. Brill, Leiden, 1987, hal. 524.

⁴ Asal perkataan ialah *Cristes Maesse* yang bererti "*the Mass of Christ*". C. Smith, "*Christmas*", *New Catholic Encyclopedia*, John P. Whalen, jil.3, cet.1, The Catholic University of America, Washington, 1967, hal. 655. H. Abujamin Roham, (Drs.), *op.cit.*, hal. 137.

⁵ Baptis adalah upacara penyucian diri iaitu Jesus merendamkan badannya di Sungai Jordon. *Matthew 28:19*. Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, "*Baptis, Wuduk dan Ghusl : Suatu Kajian Perbandingan*", *Jurnal Syariah*, Bil.4, APIUM, Kuala Lumpur, 1994, hal. 158.

⁶ Mereka dikenali dengan nama *the twelve disciples* dan *the apostles* yang diterjemahkan sebagai para Rasul atau pengikut setia Jesus. Rujuk *Matthew 10:2* dan *Acts 1:13*. Di dalam Islam, golongan ini disebut *al-hawariyyin* seperti yang tercatat di dalam surah *al-Saff:14* yang bermaksud : "Wahai orang-orang yang beriman! Jadikanlah diri kamu pembela-pembela (agama) Allah sebagaimana (keadaan penyokong-penyokong) Nabi 'Isā ibn Maryam (ketika ia) berkata kepada penyokong-penyokongnya itu: "Siapakah penolong-penolongku (dalam perjalananku) kepada Allah (dengan menegakkan agamaNya)?" Mereka menjawab: "Kamilah pembela-pembela (agama) Allah!"

2. Andrew, saudara Peter
3. John, anak Zabdi
4. James, saudara John
5. Philip
6. Bartholomew
7. Thomas
8. Matthew
9. James, anak Alphaeus
10. Tadius
11. Simon Zelotes
12. Judas Iscariot

And when they were came in, they went up into an upper room, where abode both Peter, and James, and John, and Andrew, Philip, and Thomas, Bartholomew, and Matthew, James the Son of Alphaeus, and Simon Zelotes, and Judas the brother of James.⁷

Bersama murid-muridnya, Jesus gigih mengajak manusia mentauhidkan Allah s.w.t.. Agama Nasrani tidak menitikberatkan persoalan sistem politik, ekonomi dan sosial kerana Jesus lebih banyak menumpukan kepada persoalan kejernihan jiwa dan kesucian rohani. Pokok utama seruannya ialah untuk membasmikan dua perkara yang berakar umbi pada kaum Bani Israel iaitu: ⁸

1. Kegilaan mereka terhadap material dan kecuaiian terhadap aspek kerohanian

⁷ *Acts 1:13.*

⁸ Ahmad Syalabi, (Prof. Dr.), *op.cit.*, hal. 41.

2. Anggapan yang keterlaluan kepada para rahib yang menjadi penghubung antara Allah dan manusia kerana mereka menganggap tanpa perantara, hubungan tersebut tidak sempurna.

Seruan Jesus Christ menarik perhatian Bani Israel terutama di kalangan golongan rendah dan miskin. Ini menimbulkan ketakutan dan kemarahan ketua-ketua kaum Yahudi terutama golongan *Phariseess* dan *Sadduceess*⁹ sehingga mereka berusaha menarik kemarahan pemerintah Romawi ketika itu terhadap Jesus Christ yang difitnah sebagai penderhaka, pemberontak dan mengelak daripada membayar cukai kepada negara.¹⁰ Akhirnya Jesus dihukum mati dan disalib di Golgotha dan kemudiannya dikuburkan.¹¹ Menurut mazhab Protestan, maksud 'dikuburkan' ialah Jesus "masuk ke dalam gelap gelita" tetapi bagi mazhab Katolik ia bermakna "turun ke neraka".¹² Pada hari ketiga iaitu pada pagi hari Ahad, orang-orang Kristian mempercayai bahawa Jesus bangkit dari kubur lalu naik ke syurga dan duduk bersemayam di sebelah kanan Tuhan Bapa. Ia akan turun semula ke bumi pada hari kiamat untuk mengadili umat manusia.¹³

⁹ *Phariseess* dan *Sadduceess* merupakan golongan mulia di sisi bangsa Yahudi. *Sadduceess* adalah golongan aristokrat yang amat berpengaruh dan mempunyai kedudukan penting di dalam pemerintahan Rom. Kedatangan Jesus Christ bersama seruan tauhid dirasakan memberi ancaman terhadap kekuasaan dan kedudukan mereka. Manakala golongan *Phariseess* adalah kaum yang kuat berpegang kepada tradisi dan menolak sebarang unsur *Hellenisme* atau budaya Greek ke dalam bangsa Yahudi. Mereka menolak kerasulan Jesus Christ. Caroline Large, *op.cit.*, hal. 20.

¹⁰ *Ibid.*

¹¹ Francois Mauriac, *Life of Jesus*, cet. 1, Hodder & Stoughton, London, 1937, hal. 172-178.

¹² H. Abujamin Roham, (Drs.), *op.cit.*, hal. 138.

¹³ *Mark 16:19, Ephesus 1:20-22, John 5:22.*

Selepas kewafatan Jesus, agama Nasrani terus disebarikan oleh para pengikutnya terutama oleh St. Paul.¹⁴ Seiring dengan peredaran zaman, nama agama Nasrani diubah menjadi agama Kristian bersempena nama Jesus iaitu 'Christ'.¹⁵ Sehubungan itu banyak pembaharuan-pembaharuan telah diputuskan melalui persidangan-persidangan antara para rahib, umpamanya Persidangan Nicea pada tahun 325M telah memutuskan bahawa penganut Kristian mesti mengakui ketuhanan Jesus Christ.¹⁶ Agama ini terus berkembang ke merata tempat dan tidak terbatas kepada golongan Bani Israel semata-mata sebagaimana zaman Jesus Christ.

b) Aliran-aliran Mazhab

Selepas kewafatan Jesus Christ, orang-orang Nasrani tidak mempunyai pemimpin, gereja mahupun kitab suci yang jelas. Surat-surat St. Paul¹⁷ hanya

¹⁴ St. Paul (Paul adalah nama *Greco-Roman*) merupakan salah seorang pengikut Jesus Christ tetapi tidak termasuk dalam kelompok *the twelve disciples* atau *al-hawariyyūn*. F. Schroeder, "*Apostle*", John P. Whalen, *op.cit.*, jil.2, hal. 3. Sebelum menjadi penganut Nasrani, St. Paul adalah seorang penganut Yahudi dan nama sebenarnya ialah *Saul* yang dilahirkan di Tarsus, Asia Minor sebuah tempat di mana fahaman *Hellenistic* berkembang, kira-kira pada 2M. iaitu lapan tahun lebih muda daripada Jesus di sebuah perkampungan orang-orang beragama Yahudi. Paul berketurunan daripada Benjamin, adik Joseph atau Nabi Yūsuf a.s. iaitu merupakan golongan Pharisee. Paul pakar di dalam pelbagai falsafah Yahudi dan amat membenci ajaran Jesus (*Galatians 1:13-23* dan *1 Corinthians 15:9*). Namun menurut dakwaannya, ketika di dalam perjalanan memburu orang-orang Kristian di Damascus, Paul telah mendapat petunjuk daripada Jesus (*Acts 9:4-6*). Selepas itu, Paul bertukar menjadi seorang Kristian yang amat patuh dan sangat berperanan di dalam doktrin- doktrin Kristian serta proses pengembangan agama ini ke seluruh dunia. Rujuk KH. Hasbullah Bakry Sh., (Prof. Dr.), *Jesus Christ in the Qur'an, Muhammad in the Bible*, C. V. Firdaus, Jakarta, t.t., hal. 50-53 dan Roland H. Bainton, *Christendom*, jil.1, cet.1, Harper & Row Publishers, New York, 1996, hal. 43-55.

¹⁵ James Hasting, *Encyclopedia of Religion and Ethics*, jil.3, cet.1, T & T Clark, Edinburgh, 1909, hal. 581.

¹⁶ Ahmad Syalabi, (Prof. Dr.), *op.cit.*, hal. 195.

¹⁷ Terdapat 14 buah surat-surat St. Paul atau *Epistle of Paul* di dalam *The New Testament* selain *Gospel of Matthew, Mark, Luke* dan *John*.

ditulis antara tahun 38-60M., *Gospel*¹⁸ of Mark pada 65M., *Gospel of Luke* pada 70M., *Gospel of Matthew* pada 85M. dan *Gospel of John* pada 96M.¹⁹ Agama Kristian kemudiannya terpecah kepada beberapa aliran dan mazhab hingga membentuk pelbagai mazhab yang wujud pada hari ini. Berikut penulis akan menyatakan aliran-aliran terbesar di dalam Kristian.

1) Mazhab Katolik

Ia mula muncul pada tahun 1054M.²⁰ berpusat di Vatikan Rome dan diketuai oleh seorang *Pope*. Aliran ini paling menonjol daripada mazhab-mazhab lain dengan nama Gereja Katolik, Gereja Latin atau Gereja Barat.²¹ Ia berkembang luas di Eropah Tengah dan Selatan, Amerika Selatan dan Ireland. Menurut bahasa Yunani, *katholikos* bererti “ajaran yang terbesar ke seluruh dunia” atau “dapat diterima di seluruh dunia”.²² Di dalam bahasa Greek pula ia disebut sebagai “καθολικός” yang bererti “*universal and general*”.²³ Ia juga dinamakan gereja Patriarch atau Rasuli disebabkan pengikut-pengikutnya mendakwa pengasas aliran ini ialah Petrus Rasuli atau Peter.²⁴ Pada asalnya, terdapat lima buah gereja sahaja di dalam Kristian

¹⁸ Gospel diambil daripada perkataan *godspel* yang merujuk perkataan tuhan dan ia diertikan dengan berita gembira. Jaroslav Pelikan, *The Melody of Theology*, Harvard Uni. Press. London, 1988, hal. 103 – 106.

¹⁹ H. Abujamin Roham, (Drs.), *op.cit.*, hal. 135. Sarjana lain berpendapat antara 60–100 A.D. J. D. Douglas (ed.), *The New Bible Dictionary*, cet.1, The Inter-Varsity Fellowship, London, 1962, hal. 485.

²⁰ Caroline Large, *op.cit.*, hal. 24 dan H. Abujamin Roham, (Drs.), *Ibid.* . Sebelum ini, ajaran Kristian bergerak melalui pimpinan St. Peter, St. Paul dan lain-lain sehinggalah berlakunya pemisahan Gereja Barat dan Timur pada tahun tersebut akibat perselisihan pendapat mengenai teologi Kristian dan setelah itu Gereja Barat dikenali dengan Gereja Katolik.

²¹ Ahmad Syalabi, (Prof. Dr.), *op.cit.*, hal. 239.

²² Mudjahid Abdul Manaf, (Drs.), *Sejarah Agama-agama*, cet.1, Manajemen PT Raja Grafindo Persada, Jakarta, 1994, hal. 95.

²³ M. E. Williams, “*Catholic*”, John P. Whalen, *op.cit.*, jil.3, hal. 261.

²⁴ Moh. Rifai, (Drs.), *Perbandingan Agama*, cet.7, P.Wicaksana, Semarang, 1983, hal. 57.

iaitu Gereja Rome, Constantinople, Iskandariah, Antioch dan Jerusalem.²⁵ Namun persaingan antara gereja ketara dilihat antara gereja Rom dan Constantinople atau juga disebut gereja Barat dan Timur. Disebabkan pusat pemerintahan Empayar Rome berada di Rome, maka gereja Rome atau Barat ini lebih mendapat tumpuan dan pengiktirafan sebagai gereja utama bagi penganut Kristian.²⁶

Ungkapan katolik pertama kali digunakan oleh Ignatius dari Antioch dan doktrin kepercayaan Katolik dirumuskan dalam persidangan Nicea pada tahun 325M.²⁷ Fahaman ini melampaui batas-batas nasional sesuatu negara²⁸ dan meletakkan hukum-hukum agama di bawah kekuasaan gereja termasuk menjalankan sesuatu hukuman serta berhak mengampunkan dosa-dosa manusia dengan perantaraan majlis perundingan antara paderi-paderi di bawah perintah *Pope*.²⁹ Ini berikutan sumber doktrinnya berasaskan dua pegangan utama iaitu yang pertamanya ialah tradisi gereja atau *traditio declarativa* dan yang kedua ialah

²⁵ Paul Kevin Meagher (et.al), *Encyclopedia Dictionary of Religion*, Corpus Publications, Washington, 1979, hal. 1143.

²⁶ David G. Bradley, *A Guide to the World's Religions*, cet.2, Prentice Hall Inc., New Jersey, 1965, hal. 59.

²⁷ Moh. Rifai, (Drs.), op.cit. , hal. 57.

²⁸ H.O.K.Rahmat, (Dr.), *Dari Adam Sampai Muhammad : Sebuah Kajian Mengenai Agama-agama*, cet 3, Pustaka Aman Press, Kelantan, hal. 474.

²⁹ Mohd. Fauzi Hj. Awang, *Ugama-ugama Dunia*, Pustaka Aman Press, Kelantan, t.t., hal. 162.

keterangan *The Bible* atau *traditio constitutive*. Antara dua sumber ini, tradisi gereja menduduki kedudukan yang lebih tinggi berbanding pegangan kedua.³⁰

Ciri-ciri mazhab Katolik ialah :³¹

- a. Gereja adalah satu-satunya institusi yang berhak menerangkan isi kitab suci berdasarkan konsep *infallibility of the church*³² yang diputuskan oleh paderi.
- b. Ia memiliki ajaran tentang kedudukan imam sebagai individu yang tidak pernah melakukan kesalahan atau maksum, sebagai perantara antara manusia dan tuhan serta sebagai penguasa gereja.
- c. Mengiktiraf St. Peter sebagai pelopor institusi kepaderian Kristian.
- d. Setiap perbuatan yang dilakukan oleh manusia akan diberikan ganjaran pahala dan dosa. Amalan ini seterusnya akan menyelamatkan diri manusia dari siksaan tuhan.
- e. Orang suci memiliki syafaat untuk pengampunan dosa orang lain.
- f. Setiap orang dapat menyelamatkan diri melalui amal baiknya.

³⁰ Joesoef Sou'yb, *Agama-agama Besar di Dunia*, Pustaka al-Husna, Kuala Lumpur, t.t. , hal. 370-371.

³¹ Philip W. Goetz (ed.), *The New Encyclopaedia Britannica*, jil.10, cet.15, Encyclopaedia Britannica Inc. Chicago, 1985, hal. 149-150 dan H. Abujamin Roham, (Drs.), *op.cit.* , hal. 135.

³² Disebabkan para paderi bersifat maksum maka gereja turut memiliki ciri maksum yang meletakkan institusi gereja sentiasa dilindungi tuhan dan terhindar dari sebarang bentuk kesalahan dan kepalsuan. Oleh itu, ketua gereja mempunyai kekuasaan mutlak ke atas *Christian's Magisterium* atau ajaran Kristian dan apa sahaja yang diperintahkan oleh gereja wajib ditaati serta tidak boleh diubah atau dipertikaikan kesahihannya.

g. Gereja Katolik memiliki tujuh sakramen utama gereja yang wajib diikuti.

Sakramen terpenting ialah perjamuan suci atau *eucharist*³³ yang bertitik tolak daripada upacara *baptist*.³⁴

2) Mazhab Ortodok

Ia dinamakan Gereja Roman Ortodok atau Gereja Timur.³⁵ Ia berpengaruh di Albania, Bulgaria, Georgia, Yunani, Polandia, Romania, Rusia, Serbia dan Sinai.³⁶ Ia berpusat di Konstantinopel dan terpisah daripada mazhab Katolik setelah berlakunya perselisihan fahaman antara keduanya mengenai doktrin agama Kristian.³⁷ Mazhab ini juga mempunyai tujuh bentuk peribadatan atau sakramen gereja dan *Pope* tidak diberi kedudukan istimewa kerana bagi mereka, kebenaran Ilahi dapat diungkap melalui 'hati nurani gereja' atau diertikan dengan kesepakatan semua orang-orang Kristian tanpa memerlukan kewujudan *Pope*. Di samping itu, *The Holy Spirit* telah melindungi fikiran penganut-penganut Kristian dan keputusan para uskup atau paderi tidak lebih daripada memusatkan fikiran umat Kristian

³³ Nama lain bagi upacara ini ialah Misa, *Mass*, *Lord Supper*, *Holy Communion* dan *Holy Sacrifice* iaitu upacara pemberian roti dan air perahan anggur (arak) yang telah ditahbiskan atau disucikan kepada semua penganut Kristian bagi mengingati santapan malam terakhir Jesus bersama *the apostles* yang dikenali sebagai 'makan malam Paskah' (Mohd Fauzi Hj. Awang, *op.cit.*, hal. 158) dan juga untuk mengenang pengorbanan Jesus Christ mati di tiang salib. (Joesoef Sou'yb, *op.cit.*, hal. 366) 'Roti' ini melambangkan tubuh Jesus dan 'air anggur' pula adalah simbol darah Jesus.

³⁴ *Infra*, bab 1, hal. 36.

³⁵ Ahmad Syalabi, (Prof. Dr.), *op.cit.*, hal. 238.

³⁶ Huston Smith, *Agama-agama Manusia*, (terj.) Sastroedini Bahar, cet.2, Yayasan Obor Indonesia, Jakarta, 1985, hal. 398.

³⁷ Perselisihan yang berlaku pada kurun ke 4-5M. adalah berkisar mengenai ketuhanan Jesus, sifat *nāsūt* dan sifat *lāhūt* Jesus serta persoalan *Rūh al-Qudus*. Ahmad Syalabi, (Prof. Dr.), *op.cit.*, hal. 238-240 dan Philip W. Goetz (ed.), *op.cit.*, jil.8, hal. 1016.

sahaja.³⁸ Oleh yang demikian, setiap gereja mempunyai pemimpinnya sendiri yang dinamai dengan panggilan *Patriarch*.

Perbezaan antara mazhab Katolik dan Ortodok adalah seperti berikut : ³⁹

- a. Kekuasaan ahli Ortodok lebih besar daripada ahli Katolik disebabkan gereja Ortodok banyak menyerahkan penafsiran dalam pelbagai persoalan agama kepada orang perseorangan berbanding gereja Katolik yang dibatasi oleh kuasa *Pope*.
- b. Peranan *Pope* di Barat cukup besar kerana *Pope* dilindungi oleh *The Holy Spirit* manakala Ortodok mempunyai kebenaran Ilahi yang diungkap melalui 'hati nurani gereja'.
- c. Katolik lebih bersifat individualistik daripada gereja Ortodok kerana Ortodok menganggap apabila seorang ahli sakit maka ia bererti kesemua ahli akan merasai sakit. Oleh itu, ruang kebebasan seseorang dalam mengeluarkan pendapat misalnya adalah terhad.
- d. Katolik mempunyai hierarki gereja tetapi Ortodok tidak memilikinya.
- e. Ortodok membenarkan penganutnya membawa *The Bible* dan berkhotbah dengan menggunakannya tetapi Katolik tidak dibenarkan berbuat demikian.

³⁸ Paul Kevin Meagher (et.al), *op.cit.* , hal. 1144 dan Huston Smith, *op.cit.*, hal. 399.

³⁹ Mudjahid Abdul Manaf, (Drs.), *op.cit.* , hal. 99-100.

- f. Menurut gereja Ortodok, para paderi boleh berkahwin berbeza dengan Katolik yang melarang perkara tersebut.

3) **Mazhab Protestan**

Ia muncul di Jerman pada tahun 1529M. di bawah pimpinan Martin Luther yang menganjurkan reformasi terhadap institusi gereja. Ini berikutan tekanan dan penindasan yang sewenang-wenangnya dilakukan oleh golongan paderi terhadap orang-orang Kristian yang berada di bawah kekuasaan mereka. Sesiapa yang tidak menuruti pendapat, arahan dan hukuman pihak gereja akan dihukum kafir dan diseksa serta dibunuh.⁴⁰ Ia juga dinamakan Gereja Injil yang menunjukkan pengikut-pengikut mazhab ini mengikuti kitab Injil atau *The Bible* semata-mata dengan kefahaman sendiri dan tidak tunduk kepada pentafsiran yang dikemukakan oleh orang lain. Mereka menentang penafsiran *The Bible* yang dibuat oleh orang-orang gereja yang tidak menganggap *The Bible* adalah sumber utama agama Masehi.⁴¹ Gerakan ini tersebar luas di Jerman, Dermark, Belanda, Swiss dan Amerika Utara⁴².

⁴⁰ Philip W. Goetz (ed.), *op.cit.*, jil.5, hal. 872 dan Mohd. Fauzi Hj. Awang, *op.cit.*, hal. 162-163.

⁴¹ Mereka adalah golongan Katolik yang banyak membuat perubahan di dalam Kristian seperti paderi dilarang berkahwin, mengakui Jesus dan *The Holy Spirit* adalah Tuhan selain Tuhan Bapa dan Jesus adalah anak Tuhan. Pendapat ini tidak didasarkan kepada *The Bible* malah diputuskan menerusi persidangan-persidangan para pembesar gereja.

⁴² Ahmad Syalabi, (Prof. Dr.), *op.cit.*, hal. 240.

Ciri-ciri gereja ini ialah : ⁴³

- a. Menjadikan kitab suci *The Bible* satu-satunya sumber bagi agama Masehi dan semua hukum yang tidak disebut di dalamnya adalah ditolak. Mereka sentiasa memurnikan ajaran agama melalui slogan "*sola scriptura*" iaitu bererti "kembali kepada al-Kitab". ⁴⁴
- b. Membaca kitab suci dan mentafsirkannya sendiri adalah hak bagi setiap orang Masehi.
- c. Gereja ini tidak mempunyai hak pemimpin umum seperti *Pope*. Bagi setiap gereja terdapat pemimpinnya sendiri yang memberi petunjuk dalam memahami kitab suci.
- d. Gereja tidak berhak mengampunkan dosa manusia.
- e. Menterjemah *The Bible* kepada bahasa lain dan boleh berdoa dengan bahasa yang dapat dimengertikan serta tidak terbatas kepada penggunaan bahasa Latin.
- f. Tiada hubungan atau kaitan antara 'santapan malam ketuhanan' dengan tubuh dan darah Jesus Christ kerana peristiwa ini hanyalah sebagai memperingati pengorbanan Jesus sahaja mati di tiang salib.
- g. Membolehkan orang agama atau paderi berkahwin serta tidak mengakui hidup kependetaan atau pembujangan.

⁴³ Philip W. Goetz (ed.), *op.cit.* , jil. 9, hal. 741 dan Mohd. Fauzi Hj. Awang, *op.cit.* , hal. 165.

⁴⁴ Joesoef Sou'yb, *op.cit.*, hal. 372.

- h. Para paderi tidak diibadati sebagaimana yang terdapat di dalam mazhab Katolik.⁴⁵ Mereka hanya sebagai pembimbing manusia ke jalan kebenaran dan bukannya pemutus mutlak soal kehidupan manusia.

Prinsip-prinsip di atas amat berbeza dengan prinsip-prinsip mazhab Katolik dan antara keduanya mempunyai jurang perbezaan yang amat ketara.

c) Gereja dan Paderi

Gereja yang bererti “jemaat” atau “sidang” atau juga “sidang jemaat”⁴⁶ mempunyai hierarki pentadbiran tertentu iaitu bermula dari kedudukan *Pope*, kemudian *Cardinal*, *Archbishop*, *Bishop*, *Priest*, *Deacon*, *Sub-deacons* dan akhir sekali *Clergy*.⁴⁷ Masing-masing mempunyai tugas dan peranan tersendiri. Bagi Katolik, institusi gereja diketuai oleh *Pope* yang berpusat di kota Vatican Rome. Bagi Protestan, setiap gereja mempunyai pimpinan mereka sendiri dan tidak berpusat kepada seseorang paderi.⁴⁸

Paderi menurut orang-orang Kristian merupakan orang kepercayaan Jesus Christ untuk menyebarkan missionari Kristian dan memelihara kesinambungan ajaran dan upacara peribadatan Kristian. Mereka mempunyai tanggungjawab dan kuasa-kuasa tertentu yang tidak dimiliki oleh orang kebanyakan kecuali setelah

⁴⁵ Agus Hakim, *Perbandingan Agama*, cet. 6, CV Diponegoro, Bandung, 1990, hal. 123-124.

⁴⁶ Mudjahid Abdul Manaf, (Drs.), *op.cit.* hal. 93.

⁴⁷ *Infra*, Bab 2, hal. 67-74.

⁴⁸ Mohd. Fauzi Hj. Awang, *op.cit.*, hal. 165.

menjalani proses latihan, perkaderan dan pemilihan teliti oleh pihak gereja. Menurut kepercayaan mereka juga, Jesus Christ telah mengangkat Peter sebagai utusan yang mengetuai sahabat-sahabat yang lain serta untuk menguruskan perihal penganut-penganut Kristian. *Gospel of Matthew 16:18-19* menukilkan:

And I say also unto thee, That thou art Peter, and upon this rock I will build my church; and the gates of hell shall not prevail against it. And I will give unto thee the keys of the kingdom of heaven: and whatsoever thou shalt bind on earth shall be bound in heaven: and whatsoever thou shalt loose on earth shall be loosed in heaven.

Berdasarkan ayat *The Bible* di atas, penganut-penganut Kristian amat menghormati kedudukan paderi hingga mensucikan mereka daripada kesalahan serta mengakui bahawa paderi mempunyai kuasa tertentu yang dilindungi oleh *The Holy Spirit*. Sehubungan itu, para paderi terutama *Pope* menjadi utusan St.Peter di dalam mengetuai orang-orang Kristian dan juga gereja yang didirikan oleh Peter sendiri⁴⁹ hingga ke hari ini.

*... The pope is therefore the successor of St. Peter and the head of the whole Church, the living representative of Christ on earth.*⁵⁰

Kedudukan golongan paderi amat mulia hingga mereka lebih berkuasa daripada pemerintah dan raja-raja iaitu meliputi dua jenis pemerintahan, gereja dan

⁴⁹ Ahmad Syalabi, (Prof. Dr.), *op.cit.*, hal. 253.

⁵⁰ Marcel Pacaut, *The Churches of the West*, cet.2, Walker and Co., New York, 1964, hal. 13.

negara. Namun bagi raja-raja, mereka hanya berfungsi sebagai ketua negara dan tidak berkuasa ke atas hal-hal gereja. Setiap pendapat dan kata-kata paderi harus dipatuhi dan sesiapa yang tidak mentaatinya bererti tidak mentaati Jesus Christ yang juga bererti melawan gereja. Oleh itu, raja tidak terlepas daripada kutukan, usiran dan hukuman.⁵¹

Di samping itu, paderi turut memiliki kuasa pengampunan dosa manusia. Sekiranya di kalangan penganut-penganut Kristian yang menyembunyikan dosanya daripada imam atau paderi kerana malu, maka tidak terampun dosanya malah mendapat dosa yang baru. Di sinilah letaknya kemaksuman paderi hingga mampu menghilangkan dosa orang lain dan jauh sama sekali daripada melakukan sebarang kesalahan kepada tuhan.

0.3 Pengertian Tajuk

Kajian ilmiah ini meliputi beberapa perkataan utama iaitu konsep, paderi, Kristian dan pandangan Islam. Definisi “konsep” ialah “pengertian mengenai sesuatu, tanggapan, gagasan dan idea”.⁵² Ini menjelaskan bahawa konsep amat penting dalam memahami dan mendalami sesuatu perkara. Tanpa mengetahui maksud atau makna dengan jelas dan tepat, akan menyukarkan seseorang individu

⁵¹ Ibra Yakin, *Pertentangan Islam dan Kristian*, cet. 1, Jasmin Enterprise, Klang, 1992, hal 137.

⁵² Teuku Iskandar, (Dr.), *Kamus Dewan*, cet. 4, DBP, Kuala Lumpur, 1993, hal. 651.

itu mengenali, memahami, menghayati dan seterusnya mengembangkan satu-satu pengertian atau idea.

Perkataan paderi pula berasal daripada perkataan Greek : ⁵³

- i) *Episkopos* yang bererti “pengawas” atau “*overseer*” dan “*superintendent*”.
- ii) *Apostolos* yang bererti “utusan” atau “*messenger*” dan “*ambassador*”.
- iii) *Presbuteros* yang bererti “tertua” atau “*elder*” dan “*chairman*”.
- iv) *Diakonos* yang bererti “pekerja” atau “*servant*”.

Paderi menurut agama Kristian mempunyai banyak sebutan, antaranya *pope*, *cardinal*, *archbishop*, *bishop*, *deacon*, *priest*, *pastor* dan lain-lain. Gelaran ini adalah mengikut taraf kedudukan seseorang paderi atau pendeta Kristian di dalam institusi gereja dan juga mengikut aliran mazhab-mazhab Kristian. Namun secara umumnya paderi digelar sebagai *father* atau *priest*.

Paderi didefinisikan “pendeta yang terlibat sebagai pengantara utama antara suatu yang suci dan tidak suci di kalangan manusia.” Mereka adalah tenaga-tenaga pakar di dalam upacara-upacara keagamaan yang mempelajari suatu yang khusus, meliputi cara-cara penyembahan dan dianggap ketua bagi masyarakat Kristian.⁵⁴

⁵³ John Jay Hughes, “*Christian Priesthood*”, *The Encyclopedia of Religion*, Mircea Eliade (ed.), jil. 2, MacMillan Publishing Co., New York, 1987, hal. 536.

⁵⁴ Philip W. Goetz (ed.), *op.cit.*, jil. 9, hal. 696.

Paderi juga bererti “imam yang merupakan pemimpin upacara *eucharist*”. Ia terbahagi kepada dua iaitu :⁵⁵

- a. Imam am : iaitu ahli-ahli Kristian yang sudah dibaptiskan dan menjalani upacara *eucharist*.
- b. Imam jabatan : iaitu para imam yang bertindak sebagai pengajar, pemimpin dan wakil Jesus Christ di dunia.

Di dalam *Kamus Dewan* pula, paderi ditakrifkan sebagai “orang Kristian terutama lelaki yang dilantik khas untuk mengendalikan perkara-perkara yang berkaitan dengan agama Kristian di gereja dan sebagainya”.⁵⁶

Perkataan Kristian berasal daripada bahasa Yunani atau Greek iaitu *christos* yang bererti “diurapi” atau “*anointed one*”.⁵⁷ Ini kerana kebanyakan para Rasul dan raja-raja di kalangan kaum Bani Israel akan diurapkan dengan sejenis minyak suci yang diperbuat daripada minyak zaitun sebagai tanda penghormatan dan suci di atas kedudukan mereka yang tinggi di dalam masyarakat. Kebiasaannya ia dilakukan pada hari ditabalkan menjadi raja atau orang alim. Adat ini diteruskan oleh penganut-penganut Kristian, lalu mereka telah menamakan Jesus dengan panggilan Jesus Christ. Akhirnya selepas peralihan zaman, timbullah perkataan Kristian yang dinisbahkan kepada pengikut ajaran Jesus. Perkataan Kristian bererti

⁵⁵ Achmad Mubarak, (Drs.), *Perbandingan Agama Islam dan Kristen Tentang Sakramen Gereja*, cet. 1, Penerbit Pustaka, Bandung, 1985, hal. 60.

⁵⁶ Teuku Iskandar, (Dr.), *op.cit.* , hal. 885.

⁵⁷ Ahmad Thomson, *Blood on the Cross*, TaHa Publishing Ltd., Englad, 1989, hal. 16.

“belonging to”.⁵⁸ Menurut *The Oxford English Dictionary*, Kristian bermaksud “believing, professing or belonging to the religion of Christ”.⁵⁹ Selain Kristian, ia dikenali sebagai agama Masehi atau Nasrani. Bagi masyarakat Arab, mereka memanggilnya dengan panggilan *Naṣrānī* atau *Naṣārā*.⁶⁰

Pandangan Islam bermaksud “segala apa yang dilihat dan dinilai menurut perspektif Islam atau disebut *Islamic world-view* sama ada ia merangkumi persamaan dan perbezaan bagi satu-satu perkara” dan kajian ini khusus mengupas pandangan Islam mengenai konsep kepaderian Kristian. Agama Islam yang merupakan risalah tauhid yang dibawa oleh Nabi Muḥammad s.a.w. kepada umat manusia, tidak mengandungi susunan hierarki yang mempunyai kuasa mutlak tertentu sebagaimana institusi kepaderian di dalam agama Kristian. Islam memiliki institusi masjid yang dianggotai oleh beberapa orang tertentu yang diamanahkan untuk menjaga, memelihara dan menjalankan urusan-urusan yang berkaitan dengan ajaran agama dan ibadah Islam. Tidak kesemua ahli jawatankuasa masjid merupakan ulama dalam Islam tetapi golongan alim dan ulama selaku orang yang arif di dalam hal-hal keagamaan adalah diutamakan untuk menguruskan masjid.⁶¹ Pemimpin agama tidak boleh sewenang-wenangnya memutuskan satu-satu keputusan tanpa melalui perbincangan *syūrā* atau melakukan kajian berdasarkan

⁵⁸ W. F. Dicharry, “*Christian*”, John P. Whalen, *op.cit.*, jil.3, hal. 629.

⁵⁹ J.A.Simpson & E.S.C.Weiner, *The Oxford English Dictionary*, jil.3, cet.2, Clarendon Pres., Oxford, t.t., hal. 179.

⁶⁰ M. Th. Houtsma (ed.), *E. J. Brill's First Encyclopaedia of Islam*, jil.6, E. J. Brill, Leiden, 1987, hal. 848.

⁶¹ Abdur Rahman Shad, *Duties of an Imam*, Taj Com., New Delhi, t.t., hal. 16.

al-Qur'an dan Hadith. Ini berbeza dengan institusi gereja iaitu semua anggotanya adalah golongan kuat agama yang berfungsi menjalankan doktrin dan prinsip asas Kristian serta mempunyai kedudukan yang amat istimewa⁶² sehingga mampu menggubal beberapa ajaran Kristian. Ini jelas kelihatan menerusi keputusan-keputusan gereja yang dibuat di dalam dua puluh tujuh persidangan para paderi antara abad keempat hingga abad kedua puluh ini.⁶³

Berdasarkan persoalan di atas memperlihatkan peri pentingnya kupasan menurut pandangan Islam tentang kepaderian Kristian yang ternyata berbeza dengan konsep ajaran Kristian di samping kajian sejauh mana kedudukan dan peranan paderi menurut perspektif Kristian hingga terlibat dalam pengakuan dan pengampunan dosa penganut-penganut Kristian. Selain itu, ia turut mengupas personaliti paderi Kristian yang meliputi sifat-sifat yang mesti dimiliki, kelayakan, proses pemilihan, tanggungjawab dan bidang kuasa, larangan-larangan yang harus dipatuhi serta keistimewaan-keistimewaan yang diungkapkan di dalam kitab *The Bible*.

⁶² *Catechism of the Catholic Church*, cet. 2, Libreria Editrice Vaticana, Suva, 1995, hal. 201.

⁶³ Lihat Lampiran A.

0.4 Rumusan Masalah

Disertasi ini meliputi beberapa persoalan utama kajian, antaranya :

1. Apakah hakikat sebenar kedudukan paderi menurut agama Kristian dan juga pandangan mazhab-mazhab di dalam Kristian?
2. Sejauh manakah paderi berperanan di dalam upacara-upacara keagamaan atau di dalam doktrin-doktrin Kristian? Adakah mereka hanya menjadi ketua kerohanian agama atau sebagai perantara manusia dengan Tuhan Pencipta yang dianggap mempunyai kuasa dan kelebihan tertentu?
3. Apakah kriteria-kriteria yang dimiliki oleh golongan paderi dan bagaimanakah proses perantikannya?
4. Apakah tanggungjawab dan bidang kuasa paderi di dalam institusi gereja?
5. Bagaimanakah kedudukan paderi di dalam konsep pengampunan dosa dan adakah paderi itu seorang yang maksum?
6. Bagaimanakah pandangan Islam mengenai persoalan paderi di dalam Kristian? Adakah ia menyamai konsep ulama di dalam Islam?

0.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini dilakukan adalah untuk menjelaskan kedudukan hakiki seorang paderi sebagai tokoh utama agama dalam komuniti Kristian. Ia turut membahaskan

titik persamaan dan perbezaan antara kedudukan paderi di dalam Kristian dan kedudukan ulama di dalam Islam. Melalui kajian ini, ia diharapkan dapat menyingkap sejauh manakah peranan dan keberkesanan paderi dalam membangunkan manusia sama ada dari segi sosial, ekonomi, politik, kebudayaan, tamadun dan lain-lain termasuk ke arah mengabdikan seluruh ketaatan manusia kepada Tuhan Pencipta. Bertitik tolak dari sini, penulis mengkaji persoalan utama kajian dengan penyelidikan yang adil dan justifikasi yang seimbang bagi mencari noktah kebenaran. Kajian-kajian seperti ini diharapkan akan dapat membantu masyarakat memahami konsep dan peranan yang dimainkan oleh para paderi dan sekaligus melihat pandangan Islam terhadap persoalan tersebut. Selain itu, titik persamaan dan perbezaan antara agama yang dikemukakan, dapat mengajak masyarakat memikirkan kepentingan manusia berpegang teguh dan berpaut pada agama yang sah.

0.6 Tujuan Kajian

Penulis melakukan penyelidikan ini adalah bertujuan untuk melatih diri dalam menjalankan tugas-tugas penyelidikan dan kajian ilmiah seterusnya memantapkan lagi pengetahuan penulis di dalam ilmu perbandingan agama. Penulis juga berhasrat mencapai beberapa objektif kajian seperti yang telah digariskan iaitu :

1. Memberi pengetahuan kepada pembaca mengenai agama Kristian dan Islam melalui fakta dan maklumat yang dikemukakan di dalam penyelidikan ini.
2. Memberi penjelasan mengenai personaliti paderi yang merangkumi persoalan sifat, keperibadian tokoh, tanggungjawab, larangan dan serta peranan yang dimainkan di dalam perkembangan sosial dan tamadun manusia.
3. Mendalami persoalan keistimewaan paderi sebagai seorang yang maksum hingga boleh mengampunkan dosa orang lain.
4. Mencari dan mengkaji titik persamaan dan juga perbezaan kepimpinan ketua agama atau imam kedua-dua agama.
5. Sebagai pembuka jalan kepada penyelidik-penyelidik lain melakukan kajian ilmiah dan untuk memperbanyakkan kajian mengenai ilmu perbandingan agama.

0.7 Kajian-kajian Lepas

Penulisan ilmiah menyentuh ilmu perbandingan agama antara Kristian dan Islam sememangnya telah banyak dilakukan oleh para sarjana dan penyelidik khusus untuk memberi kefahaman kepada masyarakat tentang persamaan dan perbezaan antara agama-agama di dunia. Penulisan ini juga tidak lari dari bentuk pengkajian semula. Penulis tertarik untuk mengupas persoalan kedudukan paderi di dalam agama Kristian kerana mereka merupakan sumber rujukan dan panduan

utama bagi komuniti Kristian di samping mereka dikatakan mempunyai keistimewaan yang unik iaitu mendapat bantuan daripada *The Holy Spirit*. Penulis bukan sekadar mendalami persoalan paderi malah turut membandingkannya dengan kedudukan ulama menurut perspektif Islam. Kedua-dua tokoh ini merupakan nadi penggerak kepada perkembangan agama di dunia dan juga insan yang bertanggungjawab memastikan kesinambungan risalah agama hingga ke akhir zaman. Peranan yang dimainkan bukan sedikit dan terhad malah mereka dianggap pewaris agama zaman kini.

Berdasarkan penyelidikan yang dilakukan terhadap penulisan-penulisan dan karya-karya para sarjana terdahulu, persoalan yang cuba diselidiki oleh penulis belum lagi dikaji dan diperincikan. Terdapat beberapa kajian yang telah dilakukan oleh penulis-penulis berkenaan agama Kristian dan Islam. Antaranya ialah buku *al-Masīhiyyah* (1978) karya Dr. Aḥmad Syalabī yang banyak membicarakan riwayat hidup *al-Masīḥ* atau Jesus Christ, sejarah agama Masehi atau Kristian dan praktikal-praktikal keagamaannya termasuk membicarakan kedudukan St. Paul di dalam Kristian.⁶⁴ Selain itu, penulis Judith Taylor telah menghasilkan buku bertajuk *Careers in the Church* (1984) yang memuatkan penerangan mengenai *profession* atau kerjaya di dalam institusi gereja.⁶⁵ Caroline Large menerusi buku *The Three Great Semitic Religion* (1981) menceritakan mengenai latar belakang,

⁶⁴ Aḥmad Syalabī (Prof. Dr.), *op.cit.* .

⁶⁵ Taylor, Judith, *Careers in the Church*, cet. 1, Kogan Page, London, 1984.

syariat dan ajaran, Nabi-nabi serta perkembangan agama-agama samawi iaitu agama Islam, Kristian dan Yahudi. Di dalam persoalan agama Kristian, huraian mengenai mazhab-mazhab Kristian turut dibentangkan.⁶⁶

Buku *Agama-agama Besar di Dunia* (1983) hasil tulisan Joesoef Souyb pula memaparkan sejarah agama Kristian di samping beberapa kritikan dan ulasan tentang doktrin agama Kristian.⁶⁷ Buku ini berbeza sedikit daripada buku *Kristen dan Islam* (1977) karangan H. M. Arsyad Thalib Lubis yang membuat perbandingan secara jelas antara ajaran-ajaran Kristian dan Islam serta diperincikan satu persatu sama seperti tajuk buku tersebut.⁶⁸

Selain buku-buku, terdapat juga disertasi dan latihan ilmiah dihasilkan dalam usaha memperbanyakkan kajian yang menyentuh persoalan agama Kristian, misalnya:

1. Khadijah bt Mohd. Khambali @ Hambali, "Konsep Trinity Menurut Agama Kristian dan Pandangan Islam Mengenainya", *Disertasi Sarjana* yang tidak diterbitkan, AIUM, Kuala Lumpur, 1993
2. Khadijah bt Mohd. Khambali @ Hambali, "Sejarah Perpecahan Mazhab Agama Kristian", *Jurnal Medium*, AIUM, Bil. III, Kuala Lumpur, 1994

⁶⁶ Large, Caroline, *The Three Great Semitic Religions*, Times Books International, Singapore, 1981.

⁶⁷ Joesoef Sou'yb, *Agama-agama Besar di Dunia*, Pustaka al-Husna, Jakarta, t.t.

⁶⁸ H. M. Arsyad Thalib Lubis, *Kristen dan Islam*, cet.3, Firma Islamyah, Medan, 1977.

3. Zawiyah bt. Abd. Hamid, "Konsep Pengampunan Dosa : Suatu Perbandingan Antara Islam dan Kristian", *Latihan Ilmiah* yang tidak diterbitkan, Fakulti Usuluddin, AIUM, Kuala Lumpur, 1994
4. Muhammad Miziazam b. Yahya, "Jesus Christ Menurut Perspektif Kristian : Suatu Tumpuan Kajian Terhadap Jesus Christ Sebagai Penyelamat", *Latihan Ilmiah* yang tidak diterbitkan, Fakulti Usuluddin, AIUM, Kuala Lumpur, 1995/96

Walaupun begitu, tulisan-tulisan dan kajian-kajian di atas tidak menyentuh persoalan paderi secara mendalam dan lengkap sebagaimana pengkajian yang akan dibuat oleh penulis. Oleh yang demikian, kajian ini diharapkan akan dapat mengemukakan sesuatu yang baru untuk kemanfaatan masyarakat.

0.8 Metodologi Penyelidikan

Metodologi penyelidikan merupakan asas yang sangat penting dalam satu-satu kajian bagi mendapatkan fakta dan maklumat berkaitan subjek kajian agar kajian tersebut mampu diterjemahkan dan dipersembahkan dengan sebaik mungkin serta memenuhi kehendak kajian dalam usaha menghasilkan penulisan ilmiah yang bermutu.

Perkataan metodologi berasal daripada bahasa Yunani iaitu *methodos* yang bererti “cara atau jalan” dan erti *logos* pula ialah “ilmu”. Oleh itu metodologi bererti “ilmu tentang cara”.⁶⁹ Manakala penyelidikan bererti “usaha yang dilakukan dengan cara pengumpulan data dan penafsiran terhadap data-data yang terkumpul”.⁷⁰ Justeru, metod ini adalah bertujuan memperolehi maklumat-maklumat atau *information* yang tepat, konkrit dan bernilai dari segi objektif dan kesahihannya⁷¹ menerusi kaedah atau cara yang tertentu dan sesuai serta setelah dibuat penelitian bagi sesuatu masalah. Ia meliputi beberapa kaedah iaitu :⁷²

- a. Metod penentuan subjek
- b. Metod pengumpulan data
- c. Metod analisis data

i. Metod Penentuan Subjek

Penulis telah menentukan subjek kajian dengan memilih tajuk : ‘Konsep Kepaderian di dalam Kristian dan Pandangan Islam Mengenainya’ sebagai perbahasan utama penulisan ilmiah ini. Secara tidak langsung, penyelidikan ini tertumpu kepada paderi di dalam agama Kristian dan ulama di dalam agama Islam.

⁶⁹ Peter A. Angeles, *A Dictionary of Philosophy*, t.c. , London, 1931, hal. 171.

⁷⁰ Gerald s. Ferman & Jack Levin, *Social Science Research*, t.c. , USA, 1975, hal. 32-62.

⁷¹ Imam Barnadib, (Prof.Dr.), *Arti dan Metode Sejarah Penyelidikan*, Yayasan Penerbitan FIP-IKIP, Yogyakarta, 1982, hal. 54.

⁷² Gerald s. Ferman & Jack Levin, *op.cit.* , hal. 4.

ii. Metod Pengumpulan Data

Metod pengumpulan data ini bermakna “cara pengumpulan data dengan melakukan penyelidikan terhadap dokumen-dokumen⁷³ yang mempunyai hubungan dengan permasalahan yang diselidiki”.⁷⁴ Dalam usaha tersebut, penulis menggunakan beberapa kaedah penyelidikan iaitu :

1. Kajian perpustakaan
2. Kajian lapangan

Namun begitu kajian ini lebih tertumpu kepada pendekatan secara perpustakaan atau dikenali dengan *library research*.

1) Kajian Perpustakaan

Penulis menggunakan metod kajian pepustakaan atau *library research* bagi tujuan merujuk dan menyiapkan kajian. Ia merangkumi al-Qur'an, *The Bible*, buku-buku, kamus, kertaskerja-kertaskerja seminar, artikel-artikel di dalam jurnal dan lain-lain bahan rujukan primer. Bahan-bahan sekunder seperti latihan ilmiah hanya sebagai rujukan sampingan penulis. Kajian bentuk ini secara langsung menggunakan metod dokumentari dan historis.

⁷³ Dokumen ialah “benda-benda yang dapat memberi berbagai keterangan”. Imam Barnadib, *op.cit.* , hal. 55.

⁷⁴ Gerald s. Ferman & Jack Levin, *op.cit.* , hal. 62.

a) Metod Dokumentari

Metod ini bererti “mengumpulkan data dan fakta dengan melakukan kajian terhadap dokumen-dokumen yang memuatkan pelbagai keterangan dan penjelasan”⁷⁵ seperti buku-buku, jurnal-jurnal, ensiklopedia, catatan-catatan, majalah, kumpulan hukum, keputusan pengadilan, peraturan, gambar, potret, cerita roman, cerita rakyat dan sebagainya. Dokumen adalah benda tertulis yang dapat memberikan berbagai jenis keterangan.⁷⁶ Metod ini digunakan dalam hampir keseluruhan bab kajian. Antara perpustakaan yang menjadi tempat rujukan penulis ialah :

1. Perpustakaan Negara Malaysia
2. Perpustakaan Utama Universiti Malaya
3. Perpustakaan Za'ba Universiti Malaya
4. Perpustakaan Majalah Universiti Malaya
5. Perpustakaan Awam Pusat Islam
6. Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia
7. Perpustakaan Utama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

b) Metod Historis

Metod ini merupakan “proses yang meliputi pengumpulan dan penafsiran sejarah, peristiwa, gagasan yang timbul di masa lampau sebagai dasar pengertian

⁷⁵ *Ibid.* , hal. 6.

⁷⁶ Imam Barnadib, (Prof.Dr.), *op.cit.* , hal. 55.

dan pemahaman permasalahan yang ada sekarang dan pengamalan yang akan datang”⁷⁷ atau “suatu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai sesuatu kejadian”.⁷⁸ Penulis menggunakan metod ini dalam usaha mengkaji pertumbuhan dan perkembangan paderi dan gereja di dalam agama Kristian seperti yang terdapat di dalam latar belakang masalah, bab pertama dan sebagainya.

2) Kajian Lapangan

Di samping kajian perpustakaan, penulis juga menggunakan kajian luar perpustakaan. Ia memerlukan penulis pergi ke gereja-gereja dan jabatan-jabatan agama Islam bagi mendapatkan maklumat yang terperinci dan pemahaman yang mendalam menerusi temubual yang diadakan. Ia merangkumi :

a) Metod Interview atau Wawancara

Salah satu metod yang digunakan oleh penulis untuk mendapatkan maklumat secara terus ialah melalui temubual atau “percakapan yang berhadap-hadapan antara penulis dengan responden”.⁷⁹ Ia merupakan pembantu utama kepada pengumpulan data sesuatu kajian berbanding metod pemerhatian.⁸⁰ Penulis menemubual beberapa tokoh agama dan persoalan yang dikemukakan adalah

⁷⁷ *Ibid.* , hal. 37.

⁷⁸ Winarno Surachmad, *Dasar Dari Teknik Research Pengantar Metodologi Ilmiah*, t. c., Bandung, 1970, hal. 52.

⁷⁹ Koentjaraningrat (ed.), *Metode-metode Penelitian Masyarakat*, Penerbit PT Gramedia, Jakarta, 1989, hal. 129.

⁸⁰ *Ibid.* .

secara spontan dan terancang. Temubual ini amat penting diadakan bagi mendapatkan pandangan responden terutamanya dalam mendapatkan maklumat mengenai :

- a. Kedudukan sebenar seorang paderi.
- b. Sifat, peribadi, tanggungjawab, bidang kuasa dan larangan terhadap seorang paderi.
- c. Penglibatan paderi dalam doktrin-doktrin utama gereja terutama *the Holy Orders*.
- d. Kedudukan dan peranan ulama di dalam Islam.
- e. Lain-lain yang berkaitan.

Metod ini digunakan di dalam bab kedua dan ketiga kajian ilmiah ini.

b) Metod Observasi

Metod observasi bererti : “cara pengumpulan data dengan melakukan pengamatan secara langsung terhadap objek penelitian”.⁸¹ Metod ini turut memuatkan pengalaman seseorang peneliti yang dialami secara langsung di dalam persoalan yang berkaitan serta dapat menghasilkan pengetahuan yang bersesuaian dengan syarat-syarat penelitian ilmiah.⁸² Ia digunakan di dalam bab kedua, ketiga dan keempat.

⁸¹ William J. Goode & Paul K. Hatt, *Methods in Social Research*, t.c. , USA, 1952, hal. 119-200.

⁸² Koentjaraningrat, *op.cit.* , hal. 108 dan John Galtung, *Theory and Methods of Social Research*, t.c., Oslo, 1967, hal. 27.

iii. Metod Analisis Data

Metod ini merupakan “suatu proses mengkaji dan menganalisis data dan maklumat yang telah dikemukakan bagi menyempurnakan sesuatu kajian”. Penganalisan ini menggunakan tiga teknik iaitu :

- a) **Metod Induktif** : “cara menganalisa data berdasarkan pola berfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil yang bersifat umum dalam usaha melengkapkan dan memperincikan kajian”.⁸³ Ia digunakan seperti dalam bab dua iaitu kajian yang menerangkan sifat-sifat, kelayakan, tanggungjawab dan peranan seorang paderi serta pendalilan menerusi *The Bible* bagi menyimpulkan kedudukan paderi dari sudut agama Kristian.
- b) **Metod Deduktif** : “cara menganalisa data dengan mengukuhkan penulisan berdasarkan pola berfikir yang berpijak kepada dalil umum terhadap hal-hal yang bersifat khusus dalam usaha mencari pembuktian kajian”.⁸⁴ Ia digunakan seperti dalam bab ketiga iaitu dalam usaha mengemukakan kedudukan paderi dan kaitannya dengan konsep pengampunan dosa yang diamalkan oleh penganut Kristian.

⁸³ Imam Barnadib, *op.cit.* , hal. 52 dan Gerald s. Ferman & Jack Levin, *op.cit.* , hal. 24.

⁸⁴ Andrian D. De Groot, *Methodology: Foundation of Inference and Research in the Behavioural Science*, t.c., Belgium, 1969, hal. 74 dan Imam Barnadib, *op.cit.* , hal. 52.

c) **Metod Komparatif** : “cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap data-data yang diperoleh ketika penelitian dilakukan”.⁸⁵ Justeru, penulis menganalisa data-data dan fakta-fakta berkaitan peranan paderi dan seterusnya membuat perbandingan dengan kedudukan ulama di dalam agama Islam. Penulis berusaha melakukan justifikasi bagi menghasilkan natijah kajian yang bermutu. Contohnya, membandingkan peranan yang dimainkan oleh paderi di dalam upacara pengibadatan dan doktrin agama Kristian dengan peranan para alim ulama Islam dalam konteks yang sama. Ia akan digunakan dalam bab keempat dan kelima kajian ini.

0.9 Sistematika Penulisan

Penulisan disertasi ini terbahagi kepada tiga bentuk iaitu permulaan, isi dan teks serta penutup.

1) Permulaan

Bahagian ini terdiri dari motto, dedikasi, penghargaan, abstrak, senarai lampiran, transliterasi, kependekan, kata pengantar dan daftar isi.

⁸⁵ Gerald s. Ferman & Jack Levin, *op.cit.* , hal. 79.

2) Isi dan Teks

Ia terdiri dari lima bab dan setiap bab mempunyai sub-sub topik perbincangan.

Huraian bab adalah seperti berikut :

Pendahuluan - meliputi latar belakang masalah, pengertian tajuk, rumusan masalah, kepentingan kajian, tujuan kajian, kajian-kajian lepas, metodologi penyelidikan dan sistematika penulisan.

Bab Pertama - meliputi penjelasan mengenai kemunculan gereja dan perkembangannya yang bertitik tolak daripada St. Peter sebagai rasul pertama Kristian.

Bab Kedua - mengandungi perbincangan mengenai personaliti dan kedudukan paderi menurut *The Bible*, masyarakat kristian dan mazhab-mazhab di dalam agama Kristian dengan penumpuan terhadap mazhab Katolik. Upacara penting golongan paderi iaitu *the Holy Orders* turut dikupas.

Bab Ketiga - perbincangan mendalam tentang kedudukan paderi di dalam doktrin-doktrin Kristian termasuk kupasan pengampunan dosa dan kemaksuman paderi-paderi serta tinjauan mengenai peranan mereka di dalam pemerintahan dan pembangunan insan.

Bab Keempat - Penulisan di dalam bab ini memfokuskan perbincangan tentang kedudukan ulama sebagai ketua agama di dalam Islam.

Bab Kelima – ia menyentuh huraian mengenai pandangan Islam terhadap paderi termasuk persamaan dan perbezaan antara paderi Kristian dan ulama Islam.

3) **Penutup**

Ia merangkumi bahagian penutup penulisan disertasi ini. Sehubungan itu, penulis membuat beberapa kesimpulan berkenaan tajuk kajian secara menyeluruh di samping memberi beberapa kritikan membina yang dirasakan sesuai dan perlu.